


BN mampu majukan Sabah

Oleh Lichong Angkui dan Amirullah Andi Nur

BN - 2 FEB 1994



KUALA LUMPUR, Selasa — Kepemimpinan pragmatik Barisan Nasional (BN) mentadbir Kerajaan Persekutuan mampu memajukan Sabah, jika diberi peluang mentadbir negeri itu.

Beberapa pemimpin politik Sabah bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa sudah tiba masanya Sabah dibangunkan secara tersusun seperti negeri lain.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah, Senator John Ghani, berkata hanya Kerajaan Persekutuan mampu membangunkan Sabah sama ada dari segi infrastruktur, mahupun ekonomi.

Katanya, jika sesebuah negeri tidak sehaluan dengan Kerajaan Pusat, pembangunannya pasti terbantut kerana masalah kewangan yang terhad.

“Kita percaya dengan kepemimpinan pragmatik BN, ia dapat membawa perubahan kepada Sabah, tidak seperti kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang sentiasa sibuk berpolitik.

“Dengan kerjasama padu dari kalangan parti komponen BN Sabah se-

karang, saya yakin kerajaan Sabah Baru dapat dibentuk pada tengah malam 19 Februari ini,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Dalam perjumpaan bersama rakyat di Beaufort semalam, Dr Mahathir berkata BN akan membentuk kerajaan Sabah Baru untuk membangunkan negeri itu jika diberi mandat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan baru itu nanti akan bekerjasama dengan rakyat, mendengar rintihan dan masalah mereka serta bertindak segera mengatasinya.

Mengenai calon BN, John berkata ia tidak

menghadapi masalah kerana semua parti komponen BN Sabah sepakat mengagihkan 48 kerusi Dewan Undangan Negeri.

“Semua pemimpin parti komponen BN menerima peringatan Dr Mahathir supaya soal calon jangan dijadikan penghalang, sebaliknya yang penting ialah menjamin kemenangan BN,” katanya.

Menurutnya, sokongan rakyat Sabah terhadap BN semakin meningkat kebelakangan ini dan kehadiran kira-kira 15,000 rakyat dalam perjumpaan rakyat di Beaufort semalam bukti bahawa rakyat Sabah dahagakan pembangunan dari Kerajaan Pusat.

Ketua Umno Bahagian Limbawang, Onn Ariffin, ketika dihubungi bersetuju perubahan perlu dibuat dalam pentadbiran negeri sekarang demi menjamin kepentingan generasi akan datang.

Katanya, berdasarkan sokongan rakyat pada perhimpunan rakyat di Beaufort semalam, rata-rata penduduk Sabah mahukan sebuah kerajaan yang mampu membawa pembangunan.

“Kita menjangka lebih ramai pemimpin dan ahli PBS meninggalkan parti

itu dan menyertai komponen BN, terutama Umno.

“Masyarakat Cina dan pengundi ‘atas pagar’ menyebelahi BN,” katanya.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Karim Ghani, pula berkata selama sembilan tahun pemerin-

tahan kerajaan PBS tidak banyak pembangunan dinikmati rakyat Sabah.

Katanya, ini disebabkan sistem pemerintahan PBS yang mengamalkan konsep bermusuhan dengan Kerajaan Pusat.

Sehubungan dengan

itu, beliau berkata, pilihan raya negeri pada 18 dan 19 Februari ini peluang terbaik bagi rakyat Sabah ‘melepaskan diri’ daripada belunggu kekalutan politik PBS.

Di KOTA KINABALU; Ketua Umno Jambongan,

Musa Aman, yakin kerajaan BN di bawah pimpinan Dr Mahathir tidak pernah berniat jahat atau mahu menjajah negeri ini, sebagaimana yang dilakukan oleh Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan.